



MOHAMED Khaled (barisan kedua, tengah) bergambar dengan pemenang ketika majlis penutup Program Duta Jauhar di UTHM, Batu Pahat.

# Usaha INSTEDT diiktiraf

## Bolot dua anugerah emas dalam Kongres Duta Jauhar di UTHM

Oleh Mohd Hanafis Abdul Haris

hanafis@hmetro.com.my

**Batu Pahat**

**U**saha membantu golongan tidak berkecimpungan menerima rawatan selain mentransformasi bidang kejururawatan secara lebih meluas me-layakkan Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT) membolot Anugerah

Emas Pertama dan Anugerah Permata dalam Kongres Duta Jauhar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, kelmarin.

Kemenangan itu membolehkan pasukan yang terdiri daripada 15 pelajar jurusan kejururawatan itu membawa pulang hadiah pakej pelancongan ke Krabi, Thailand, wang tunai RM5,000, piala iringan serta sijil.

Lebih membanggakan mereka turut menerima beberapa anugerah sampingan termasuk Anugerah Persempahan Terbaik, Penyelia Terbaik, Kerjasama Terbaik dan Kesihatan Terbaik.

Ketua Pengarah Projek Mohd Rafizi Zainol, 21, berkata, pembabitan INSTEDT dalam program Duta Jauhar siri kedua itu adalah yang pertama kali selepas prog-

ram cetusan Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin itu membuka peluang kepada institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Menurutnya, peluang itu diguna sepenuhnya dalam membentangkan modul cadangan yang berpotensi memberi impak dan manfaat kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Johor.

"Kami membuat keputu-

san memfokuskan aspek kebijakan dan komuniti dengan merangka satu projek pendidikan kesihatan.

"Kami memilih sasaran komuniti membabitkan 45 individu berusia lingkungan 30 hingga 70 tahun. Individu ini akan diberi tumpuan khusus berkaitan aspek kesihatan, rawatan dan penjagaan pesakit terlantar secara menyeluruh," katanya.

## Peruntukan RM10,000 gerak pertubuhan belia

**Johor Bahru:** Parlimen Pasir Gudang menyalurkan peruntukan RM10,000 kepada Majlis Daerah Belia Johor Bahru bagi menggerakkan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun ini.

Ahli Parlimen Pasir Gudang Normala Abdul Samad berkata, dana itu penting untuk membantu pertubuhan berkenaan menganjurkan program khasnya berbentuk santai dalam usaha mendekati belia daripada pelbagai latar belakang.

Menurutnya, beliau sedia turut serta dalam program yang dianjurkan kerana ingin bertemu dan mendengar masalah dan pandangan daripada belia di peringkat akar umbi.

"Kebanyakan belia enggan menyertai persatuan kerana waktunya terbatas dan tidak suka sesuatu yang formal."

"Namun, Majlis Belia Daerah Johor Bahru boleh memainkan peranan menarik penyertaan mereka menerusi program berbentuk sembang santai. Malah, cara itu kepimpinan Majlis Belia Daerah Johor Bahru dapat mencari pelapis bagi perse-diaan masa depan," katanya selepas perasmian Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Penggal 2017/2019 pertubuhan itu di Kolej Giat Mara Permas, di sini, semalam.